

1984

PASIR GUDANG, 21 APRIL (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI CAOANGAN KERAJAAN UNTUK MEMUJUKAN KESATUAN DALAMAN BUKANLAH UNTUK MENGUNTUNGGAN MAJIKAN TETAPI UNTUK FAEDAH PARA PEKERJA DALAM JANGKA MASA PANJANG.

PERDANA MENTERI SERKATA BANYAK CAOANGAN KERAJAAN TIDAK BOLEH MENDATANGKAN KEUNTUNGGAN DENGAN SERTA MERTA O A N RAKYAT PERLU INGAT BAHAWA KEUNTUNGGAN JANGKA PENDEK TIDAK KEKAL O A N SEBALIKNYA BAKAN MEMBANA KECELAKAAN KELAK. ...

+RANCANGAN Y A N G MEMBANA KEUNTUNGGAN YANG LEBIH BAIK DAN BERKEKALAN ADALAH YANG MEMERLUKAN PENGORBANAN PADA PERLNGKAT AWAL+, KATANYA KETIKA MERASMIKAN KILANG PERUSAHAAN SAOUR TIMAH (PERSTIMA) OF SINI. (FAEDAHNYA SAMALAH DENGAN MENUNTUT ILMU KITA BOLEH BEKERJA SEBAIK SAHAJA LULUS SPM UMPAMANYA TETAPI WALAUPUN DAPAT GAJILEBIH ANAL, GAJI ITU TIDAKLAH TINGGI+, TEGASNYA.

+SEBALIKNYA JIKA KITA KORBANKAN BEBERAPA TAHUN LAGI UNTUK BELAJ DI UNIVERSITI, KITA AKAN DAPAT GAJI YANG LEBIH TINGGI APABILA LULUS+, UJAR BELIAU. - - LAGI 1830/MK

MAHATHIR - KESATUAN 2 PASIR GUDANG

DEMIKIAN JUGA DENGAN CADANGAN KERAJAAN SUPAYA DIADAKAN

+IN-HOUSE UNION\* YANG MENURUTNYA AKAN MEMBANA LEBIH KEUNTUNGGAN KEMUDIANNYA.

+JIKA KITA TERIKUT-IKUT DENGAN SARANAN BAHAWA KITA CUKUP KUAT UNTUK MENDESAK-DESAK, INDUSTRI KZTA TIDAK AKAN DAPAT BERSAING DAN AKHIRNYA KITA SENDIRI AKAN RUG-X WALAUBAGAIMANA KUAT SEKALIPUN KESATUAN KITA+, UJARNYA.

PERDANA MENTERI SERKATA SUNGGUHPUN KESATUAN YANG BESAR DAN KUAT MEMANG BOLEH MEMBUAT TUNTUTAN YANG LEBIH MENGUNTUNGGAN PEKERJA,

+TETAPI JANGAN L U P A PELUANG BEKERJA WUJUD KERAMA ADANYA KILANG+.

+SEBELUM KILANG O Z A O A KAN TIDAK ADA ORANG YANG MENGAMBIL BERAT TENTANG PENDAPAT KITA DAN CUMA KERAJAAN SAHAJA YANG BERASA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMUJUKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN.+

DALAM PADA ITU BELIAU MENGINGATKAN PARA PEKERJA SUPAYA +JANGANLAH MEMBAKARKAN JAMBATAN SETELAH MENYEBERANGI SUNGAI KERANA A O A. MASIH RAMAI YANG INGIN MENYEBERANGI SUNGAI ITU.+

- - LAGI 1832/MK

ZCZC 8649

MAHATHIR -- KESATUAN 3 PASIR GUDANG

DATUK SERI O R . - MAHATHIR MENJELASKAN LAGI KONSEP IN-HOUSE UNION DIUTARAKAN KERANA BUKAN SEMUA SYARIKAT OALAM SATU-SATU INDUSTRI ITU SAMA BESAR ATAU SAMA KUKUH KEDUDUKAN KEWANGANNYA.

BERDASARKAN DEMIKIAN SEKIRANYA SEGALA TUNTUTAN DIBUAT BERASASKAN KEPAOA KERJA YANG SAHA DAN IMBUHAN YANG SAMA MAKA AKAN TENGGELAMLAH. SEMUA PERUSAHAAN YANG KECLL DAN YANG BARU.

+AKIBATNYA IALAH PENGGANGGURAN PEKERJA-PEKERJA SENDIRI,+ TEGASNYA.

KATA DATUK SERI O R . MAHATHIR JIKA +KITA TERPIKAT DENGAN SEGALA SARANA: ORANG-ORANG ASING DAN PENGIKUT MEREKA YANG SERING MENDESAK SUPAYA APA JUGA YANG DIAMALKAN DI NEGARA YANG SUDAH MAJU DIAMALKAN JUGA DI NEGARA KITA TIDAK AKAN MAJU.

+KITA MESTI SE O A R NEGARA KITA TIDAK ADA +COMPARATIVE ADVANTAGE+ ...ADIBANDINGKAN OENGGAN NEGARA YANG SUDAH MAJU DAN SEKIRANYA KITA GAGAL MEREKA AKAN TERUS MENJUAL BARANG-BARANG MEREKA KEPAOA KITA.

- - LAGI 1833/MK

## MAHATHIR - KESATUAN 4 PASIR GUDANG

+MEREKA AKAN MENAIKKAN LAGI HARGA DAN PEKERJA MEREKA AKAN DAPAT GAJI YANG LEBIH TINGGI SEMENTARA PEKERJA KITA MENGANGGUR.+

MENYENTUH TENTANG PERSTIMA, PERDANA MENTERI MERASA BANGGA KERANA IA MERUPAKAN PERUSAHAAN SAPUR TIMAH YANG PERTAMA DI NEJARA INI YANG MENGGUNAKAN TIMAH SEBAGAI SALAH SATU BAHAN UNTUK +TIN PLATE+ IAITU BAHAN UNTUK MEMBUAT +TIN CANS DAN LAIN-LAIN.

BELIAU BERKATA MEMANG MENJADI SATU DASAR KERAJAAN UNTUK MENGGALAKKAN BAHAN-BAHAN MENTAH NEGARA INI DIPROSES DALAM MALAYSIA JNTUK BARANGAN SIAP DAN SEPARUH SIAP.

LANGKAH INI BUKAN SAHAJA DAPAT MENAMBAH NILAI KEPADA BAHAN-BAHAN UTAMA ITU SEBELUM DIEKSPORT BAHKAN DAPAT MENAMBAH PELUANG PEKERJAAN BERTA MENINGKATKAN TEKNOLOGI DALAM NEGARA.

SEBAGAI SATU LANGKAH MENGGALAKKAN PENGGUNAAN TIMAH DALAM NEGERI KERA. YAN TELAH MENAWARKAN REBAT CUKAI SEBANYAK \$700 BAGI SETIAP TAN METRIK KEPADA BIJIH TIMAH YANG DIGUNAKAN DALAM NEGERI, KATANYA.

-- E RNAMA 1837/MK